

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah kemajuan yang telah dicapai sejak kerajaan melancarkan program Pelan Jana Semula Ekonomi (PENJANA) KPT-CAP.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah memperkenalkan inisiatif Pelan Jana Semula Ekonomi Negara atau PENJANA sebagai langkah rangsangan untuk menangani situasi ekonomi semasa dan meringankan beban yang ditanggung oleh rakyat. Terdapat 40 inisiatif bernilai RM35 bilion yang diperkenalkan di bawah PENJANA. Daripada jumlah ini, KPT telah diperuntukkan sebanyak RM100 juta bagi tujuan meningkatkan kebolehpasaran graduan di bawah program dengan izin, “career advancement” atau PENJANA KPT-CAP.

Sehingga 7 Disember 2020, sebanyak 87 program telah diluluskan untuk dilaksanakan melibatkan sinergi dengan 154 buah syarikat penyedia latihan atau syarikat yang mengeluarkan “Letter of Commitment” (LOC) sebagai jaminan penempatan pekerjaan kepada graduan selepas latihan. Berdasarkan bilangan program yang telah diluluskan tersebut, seramai 7,596 graduan dijangka mendapat manfaat. Daripada jumlah itu, pecahan mengikut kluster atau bidang program adalah seperti yang berikut:

NO. SOALAN : 159

- (i) Kluster *“Place and Train”* – sejumlah 6,296 graduan dijangka akan mendapat penempatan pekerjaan sebaik sahaja berjaya menamatkan latihan;
- (ii) Kluster Keusahawanan – seramai 1,010 graduan yang berjaya menamatkan latihan bakal ditawarkan pembiayaan perniagaan sekiranya memenuhi syarat yang ditetapkan; dan
- (iii) Kluster *Gig Economy* – seramai 290 orang peserta akan dibimbing untuk menjana pendapatan sendiri secara “freelancing” sebaik sahaja menamatkan latihan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2020**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]**

SOALAN

TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan ke atas majikan yang telah melakukan kesalahan mengambil hak pekerja melalui Program Subsidi Upah di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya sehingga 20 November 2020, PERKESO telah menerima permohonan Program Subsidi Upah (PSU) melibatkan **405,745** majikan dan lebih **3.4 juta** pekerja dengan jumlah pembayaran sebanyak **RM12.4 billion**.

2. Berdasarkan rekod Sistem Insurans Pekerjaan (SIP), sehingga 11 November 2020, sebanyak **388 kes aduan** terhadap majikan mengenai bayaran di bawah PSU melibatkan jumlah hampir **RM20 juta**. Aduan mengenai majikan yang gagal membayar gaji walaupun telah menerima bantuan PSU dan mengemukakan tuntutan palsu. Siasatan terperinci sedang dijalankan terhadap kes-kes tersebut.

3. Tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan ke atas majikan yang telah melakukan kesalahan mengambil hak pekerja melalui PSU adalah dengan **menggantung sementara** bayaran kepada majikan yang terlibat. PERKESO bekerjasama dengan Bahagian Perundangan, Kementerian Sumber Manusia bagi mengenal pasti tindakan undang-undang yang boleh diambil ke atas majikan yang tidak mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

4. Daripada aduan yang diterima, 156 kes tuntutan palsu dan salah guna dana PSU telah dikenalpasti oleh PERKESO untuk tindakan menuntut balik bayaran dari majikan-majikan tersebut. Sebanyak 232 kes dari jumlah aduan tersebut sedang dalam proses mendapatkan maklum balas dari pengadu.

5. PERKESO juga telah **bekerjasama dengan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)** dan 5 kes masih dalam **tindakan siasatan** melibatkan 1 tangkapan telah dibuat. PERKESO akan meneruskan lagi perkongsian maklumat lengkap agar siasatan dapat dimulakan keatas majikan-majikan yang gagal untuk mematuhi bayaran di bawah Program Subsidi Upah (PSU).

Sekian, terima kasih.